**MINIT MESYUARAT**
**JAWATANKUASA KUALITI**
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)**
**KALI KE - 61**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 18 Disember 2024 (Rabu) |
| Masa | : | 2.30 petang – 4.45 petang |
| Tempat | : | Dewan Senat, Bangunan Canselori Putra, UPM<br>& Secara dalam talian melalui Aplikasi *Google Meet* |
| Kehadiran | : | Seperti mana di **Lampiran A** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **61.1** | **Kata Aluan Pengerusi**<br><br>Pengerusi: | |
| | (a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Ummul Kitab Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-61. | **Makluman** |
| | (b) mengingatkan kepada semua TWP PP dan TWP PTJ untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab bagi memastikan pelaksanaan agenda kualiti di peringkat PTJ dan UPM mencapai tahap keberkesanan sistem kualiti sebagaimana yang dihasratkan. | **Makluman** |
| | (c) berkongsikan berkenaan pelaksanaan pengauditan di Universiti Malaya (UM) yang sebelum ini dipantau dan diaudit oleh badan pensijilan dari SIRIM Berhad namun kini pengauditan QMS secara dalaman oleh UM telah mula dilaksanakan mulai tahun 2022 yang dinamakan sebagai UM Quality Excellence Index yang berfokuskan penarafan dan pengukuran prestasi pencapaian. | **Makluman** |
| | (d) merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang baharu seperti berikut:<br>(i) Puan Askina Aziz, dilantik sebagai TWP PTJ Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia bermula 1 Ogos 2024; dan<br><br>(ii) Puan Wan Nur Syarmimie Wan Azman, dilantik sebagai TWP PTJ Institut Nanosains Nanoteknologi bermula 4 Oktober 2024. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (e) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan sumbangan mantan Ahli Jawatankuasa Kualiti berikut:<br><br>(i) Puan Dalina Kamarudin, mantan TWP PTJ Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia yang telah berkhidmat bagi tempoh 15 Mei 2024 hingga 31 Julai 2024; dan<br><br>(ii) Puan Rosiha Abdul Razak, mantan TWP PTJ Institut Nanosains Nanoteknologi yang telah berkhidmat bagi tempoh 14 September 2022 hingga 3 Oktober 2024. | **Makluman** |
| | (f) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dalam memastikan amalan pembudayaan kualiti di peringkat Universiti dengan pelaksanaan dan penglibatan dalam menjayakan pelbagai agenda kualiti di peringkat PTJ sepanjang Januari hingga Disember 2024 khasnya aktiviti kualiti perkhidmatan UPM seperti berikut:<br><br>• Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM (20 Februari 2024, 19 Julai 2024 dan 18 Disember 2024);<br>• Audit Dalaman UPM QMS dan ISMS (22 April hingga 28 Jun 2024);<br>• Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan UPM (19 September 2024);<br>• Audit Pensijilan Semula SIRIM QMS dan ISMS (14-23 Oktober 2024; dan<br>• Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM 2023/2024 (20 November 2024. | **Makluman** |
| **61.2** | **Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-60**<br><br>Minit Mesyuarat JKK Kali ke-60 yang telah diadakan pada 19 Julai 2024 **disahkan dengan pindaan** berikut:<br><br>Lampiran A: Senarai Kehadiran – meminda nama PTJ bagi Pusat Asasi Sains Pertanian kepada Pusat Asasi Sains UPM. | **Makluman** |
| **61.3** | **Perkara - Perkara Berbangkit**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-60 seperti mana pada **Lampiran Agenda 3** yang telah dibentang. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **61.4** | **Laporan Dokumentasi (QMS dan ISMS)**<br><br>Mesyuarat:<br>(a) mengambil maklum Laporan Dokumentasi ISO adalah seperti mana **Lampiran Agenda 4** yang dibentang merangkumi tujuh (7) perkara iaitu:<br>(i) siri kuat kuasa dokumen ISO tahun 2024 (QMS dan ISMS);<br>(ii) statistik jumlah perubahan dokumen ISO tahun 2024 (QMS dan ISMS);<br>(iii) statistik perubahan dokumen ISO (Pinda, Gugur, Baharu) dan mengikut skop dokumen;<br>(iv) penyediaan dokumen berasaskan pengguna oleh peneraju proses, Sekolah Pengajian Siswazah;<br>(v) statistik dokumen belum pinda 2020;<br>(vi) jadual tindakan kuat kuasa dokumen tahun 2025; dan<br>(vii) pengemaskinian dokumen ISO belum pinda tahun 2021. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum sepanjang tahun 2024, sebanyak enam (6) siri kuat kuasa dokumen ISO telah dilaksanakan iaitu melibatkan bilangan dokumen, skop dan peneraju seperti berikut: | **Makluman** |

| Tarikh | Bil. Dokumen | Bil. Skop Dokumen | Bil. Peneraju |
|---|---|---|---|
| 29/2/2024 | 90 | 12 | 11 |
| 31/7/2024 | 54 | 12 | 12 |
| 20/8/2024 | 7 | 1 | 1 |
| 13/9/2024 | 52 | 8 | 7 |
| 11/10/2024 | 14 | 3 | 2 |
| 24/12/2024 | 203 | 10 | 5 |
| **JUMLAH** | **420** | **46** | **38** |

(c) mengambil maklum statistik pindaan mengikut kategori dan skop dokumen sepanjang tahun 2024 adalah;

| Kategori Dokumen | Kekerapan Pindaan |
|---|---|
| Manual | 1 |
| Prosedur | 93 |
| Arahan Kerja/Arahan Tetap | 39 |
| Garis Panduan | 91 |
| Dokumen Sokongan (Borang, Log, Senarai Semak dan lain-lain) | 196 |

| MINIT | AGENDA | | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| | | (tabel di bawah) | |

| Skop Dokumen | Jumlah Dokumen |
|---|---|
| Pengurusan (PGR) | 8 |
| Proses Utama (PU) | 66 |
| Operasi Perkhidmatan Sokongan (OPR) | 181 |
| Prauniversiti (PRA) | 6 |
| Sokongan (SOK) | 159 |

(d) mengambil maklum statistik perubahan dokumen ISO tahun 2024 yang melibatkan sebanyak 411 dokumen QMS dan sembilan (9) dokumen ISMS diperincikan mengikut kategori sebagaimana berikut: — **Makluman**

| Dokumen QMS 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **Pinda** | **Gugur** | **Baharu** | **Jumlah** |
| 305 | 86 | 20 | 411 |
| | | | |
| **Dokumen ISMS 2024** | | | |
| **Pinda** | **Gugur** | **Baharu** | **Jumlah** |
| 8 | 1 | 0 | 9 |

(e) mengambil maklum berkenaan penambahbaikan pengurusan dokumentasi ISO tahun 2024 iaitu penyediaan dokumen berasaskan pengguna skop Proses Utama (Pengajian Siswazah), perincian dokumen yang terlibat adalah seperti berikut: — **Makluman**

| Bil. | Kategori Dokumen ISO | Bilangan Dokumen Terlibat | | | Juml-ah |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Pinda | Baharu / Tambah | Gugur | |
| 1. | Prosedur | 0 | 1 | 17 | 18 |
| 2. | Arahan Kerja | 0 | 0 | 20 | 20 |
| 3. | Garis Panduan | 0 | 4 | 0 | 4 |
| 4. | Borang | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 5. | Log | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 6. | Senarai Semak | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 7. | Senarai Utama | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8. | Daftar Format/ Format | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 9. | Senarai | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 10. | Laporan | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah Keseluruhan | | 0 | 5 | 37 | 42 |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|

(f) mengambil maklum bilangan dokumen mengikut skop dan peneraju yang akan dipinda berkuat kuasa 24 Disember 2024 adalah seperti perincian berikut: — **Makluman**




| Peneraju Proses | Bilangan Dokumen |
|---|---|
| KEWANGAN – PEJABAT BURSAR | 1 |
| PENGURUSAN DAN KESELAMATAN MAKMAL (LAB) - PEJABAT NAIB CANSELOR (PEJABAT PENGURUSAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN) | 5 |
| PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSH) - PEJABAT NAIB CANSELOR (PEJABAT PENGURUSAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN) | 13 |
| PERALATAN, KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DAN KENDERAAN (PYG) - PEJABAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ASET (PPPA) | 22 |
| PEJABAT NAIB CANSELOR (PNC) | 2 |
| PEJABAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ASET (PPPA) | 9 |
| PENGAJIAN SISWAZAH – SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH, PEJABAT TIMB. NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) | 8 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **60** |

(g) mengambil perhatian berkenaan jadual pelaksanaan tindakan kuat kuasa dokumen tahun 2025 iaitu: — **Makluman**

(i) tarikh kuat kuasa adalah pada 28 Februari 2025, 31 Julai 2024 dan 12 September 2025; dan

(ii) sebanyak 91 dokumen ISO belum pinda tahun 2021 dan PTJ perlu memastikan dokumen ISO disemak dan peneraju proses boleh membuat keputusan sama ada dokumen tersebut; **dikekalkan, digabungkan** atau **digugurkan.**

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(h) menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua peneraju yang telah berjaya mengemaskini 104 dokumen belum pinda tahun 2024 dan keseluruhan sebanyak 420 dokumen yang telah dikemaskini bagi memastikan dokumen ISO yang diguna pakai di UPM adalah mencukupi dan masih relevan dengan pelaksanaan semasa.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td>61.5</td><td>Laporan Audit (QMS & ISMS)<br><br>Mesyuarat:<br><br>(a) mengambil maklum Laporan Audit ISO berkenaan Audit Pensijilan Semula SIRIM QMS dan ISMS seperti mana Lampiran Agenda 5 yang dibentang.<br><br>(b) mengambil maklum audit yang telah dilaksanakan pada 14 sehingga 23 Oktober 2024 tersebut melibatkan sebelas (11) orang auditor QMS dan dua (2) orang auditor ISMS dengan PTJ yang diaudit sebanyak 35 PTJ bagi QMS dan 17 PTJ bagi ISMS.<br><br>(c) turut mengambil maklum bahawa UPM telah melepasi audit tersebut dengan syor oleh juruaudit:<br>i. Disyorkan untuk diteruskan pensijilan *tanpa pindaan untuk ISO/IEC 27001:2013 ISMS<br>ii. Disyorkan untuk diteruskan pensijilan *dengan pindaan untuk ISO 9001:2015 QMS. Penambahan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS) di dalam skop pensijilan.<br><br>Penemuan hasil audit adalah seperti berikut:<br><br><table><tr><th>Audit SIRIM</th><th>NCR</th><th>OFI</th></tr><tr><td>QMS</td><td>1</td><td>20</td></tr><tr><td>ISMS</td><td>0</td><td>6</td></tr></table></td><td><br><br><br>Makluman<br><br><br>Makluman<br><br><br><br>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(d) mengambil maklum Bengkel Pemurnian Pelan Tindakan NCR telah diadakan pada 22 November 2024 dan pelan tersebut telah dipersetujui oleh auditor yang menjatuhkan penemuan tersebut. Tarikh akhir penghantaran bukti tindakan adalah pada 22 Januari 2025.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(e) turut mengambil maklum keberkesanan tindakan bagi penemuan audit SIRIM akan disemak semasa sesi Audit Pemantauan 1 SIRIM QMS dan ISMS Tahun 2025.</td><td>TWP PP, TWP PTJ yang berkenaan</td></tr>
<tr><td></td><td>(f) mengambil maklum status maklum balas tindakan Audit Dalaman QMS dan ISMS tahun 2024 dan senarai PTJ yang belum memberi maklum balas.</td><td>TWP PP, TWP PTJ yang berkenaan</td></tr>
<tr><td></td><td>(g) mengambil maklum status penutupan penemuan Audit Dalaman QMS dan ISMS 2023 dan senarai PTJ yang belum memberi maklum balas.</td><td>TWP PP, TWP PTJ yang berkenaan</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(h) bersetuju bahawa semua PTJ perlu mengambil perhatian serius dalam memastikan penemuan audit dalaman diambil tindakan sewajarnya dalam memastikan proses kualiti dibudayakan dengan baik.<br><br>(i) mengambil maklum bahawa Pusat Jaminan Kualiti akan membuat analisa berkaitan trend tiga (3) tahun penemuan NCR audit dalaman dan akan dibentangkan pada mesyuarat akan datang.</td><td>Semua TWP PP, TWP PTJ<br><br>PAD</td></tr>
<tr><td>61.6</td><td>Laporan Pencapaian Objektif ISO<br><br>Mesyuarat mengambil maklum tiada pelaporan bagi agenda Laporan Pencapaian Objektif ISO untuk Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-61.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td>61.7</td><td>Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISO 2024<br><br>Mesyuarat mengambil maklum tiada pelaporan bagi agenda Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISO (QMS dan ISMS) 2024 untuk Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-61.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td>61.8</td><td>Laporan Penilaian Risiko<br><br>Mesyuarat mengambil maklum tiada pelaporan bagi agenda Laporan Penilaian Risiko (QMS dan ISMS) 2024 untuk Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-61.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td>61.9</td><td>Laporan Latihan Universiti<br><br>Mesyuarat:<br><br>(a) mengambil maklum Laporan Latihan Universiti seperti mana Lampiran Agenda 9 yang dibentang berkaitan pencapaian 18 mata CPD (3 hari) Latihan staf UPM dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk sukuan keempat tahun 2024.<br><br>(b) mengambil maklum status pencapaian 18 jam latihan staf Universiti Putra Malaysia (UPM) setakat 15 Disember 2024 adalah seperti berikut :<br><br>Staf Bukan Akademik<br><br>
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Pencapaian Jumlah Jam/ Hari Latihan</th><th>Peratus (%) & Bilangan Staf</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Pencapaian 18 jam latihan (≥ 3 hari)</td><td>99.64%<br>(5211 orang)</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Pencapaian kurang 18 jam latihan (< 3 hari)</td><td>0.36%<br>(19 orang)</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Tidak Berkursus (0 hari)</td><td>0.0%<br>(0 orang)</td></tr>
</table>
</td><td>Makluman<br><br>Makluman</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>
Staf Akademik
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Pencapaian Jumlah Jam/ Hari Latihan</th><th>Peratus (%) & Bilangan Staf</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Pencapaian 18 jam latihan (≥ 3 hari)</td><td>96.36%<br>(1405 orang)</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Pencapaian kurang 18 jam latihan (< 3 hari)</td><td>3.5%<br>(51 orang)</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Tidak Berkursus (0 hari)</td><td>0.15%<br>(2 orang)</td></tr>
</table>
(c) memohon PTJ yang masih belum mencapai sasaran 100% staf hadir 18 jam latihan untuk mengambil tindakan sewajarnya dan memasukkan data ke dalam sistem selewat-lewatnya pada 25 Disember 2024.
</td><td>Makluman<br><br>TWP PP, TWP PTJ yang berkenaan</td></tr>
<tr><td>61.10</td><td>
Laporan Pengurusan Rekod Universiti<br><br>
Mesyuarat:<br><br>
(a) mengambil maklum laporan pengurusan rekod Universiti dan penambahbaikan kod klasifikasi fail UPM seperti mana Lampiran Agenda 10 yang dibentang.<br><br>
(b) mengambil maklum beberapa siri bengkel pengharmonian klasifikasi fail telah diadakan bagi perluasan penggunaan aplikasi Digital Document Management System (DDMS) 2.0.<br><br>
(c) mengambil maklum status penambahbaikan kod klasifikasi fail UPM bagi tarikh kemaskini sehingga September 2024 adalah seperti berikut:<br><br>
<u>100 Pentadbiran</u>
<table>
<tr><th>100-3</th><th>Perancangan Strategik / Pengurusan Risiko</th></tr>
<tr><td>100-3/1</td><td>Pelan Strategik</td></tr>
<tr><td>100-3/1/6</td><td>Pelan Pembangunan Pendidian Tinggi Malaysia 2026-2035 (PPTM)</td></tr>
<tr><td>100-3/1/7</td><td>Blueprint Keterjaminan Makanan</td></tr>
<tr><td>100-3/3</td><td>Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Kampus Hijau</td></tr>
<tr><td>100-3/3/8</td><td>Jawatankuasa Induk Kelestarian Hijau</td></tr>
<tr><td>100-6</td><td>Pengurusan Mesyuarat</td></tr>
<tr><td>100-6/1</td><td>Mesyuarat Dalam UPM</td></tr>
<tr><td>100-6/1/167</td><td>Mesyuarat Jawatankuasa Program Berhenti Merokok (mQuit)</td></tr>
<tr><td>100-6/2</td><td>Mesyuarat Luar</td></tr>
<tr><td>100-6/2/41</td><td>Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Konsortium Sumber Elektronik Pendidikan Tinggi</td></tr>
<tr><td>100-6/2/42</td><td>Mesyuarat Konsortium Katalog Induk Kebangsaan (KIK)</td></tr>
<tr><td>100-12</td><td>Program Kerjasama</td></tr>
<tr><td>100-12/3</td><td>Luar Negara</td></tr>
</table>
</td><td>Makluman<br><br>Makluman<br><br>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|

| | |
|---|---|
| 100-12/3/6 | Jawatankuasa Putra® Nation |
| **100-15** | **Teknologi Maklumat dan Komunikasi** |
| 100-15/2 | Sistem Aplikasi |
| 100-15/2/92 | Industry and Community Management System (ICMS) |

**<u>200: Tanah, Bangunan dan Infrastruktur</u>**

Tiada penambahanbaikan.

**Makluman**

**<u>300: Aset Alih/Hidup dan Stor Universiti</u>**

**Makluman**

| | |
|---|---|
| **300-2** | **Pengurusan Aset (Kekal/Alih)** |
| 300-2/7 | Penyelenggaraan Aset Alih Peralatan Perubatan |

**<u>400: Pengurusan Kewangan dan Perakaunan</u>**

**Makluman**

| | |
|---|---|
| **400-5** | **Perolehan Bekalan. Perkhidmatan dan Kerja** |
| 400-5/5 | Sebut Harga Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan |
| 400-5/5/37 | Sebut harga Pembelian Reagent |

**<u>500: Sumber Manusia</u>**

| | |
|---|---|
| **500-3** | **Skim Perkhidmatan** |
| 500-3/4 | Pelantikan dan Pengesahan |
| 500-3/4/28 | Pelantikan Felo Bersekutu |
| 500-3/10 | Kenaikan Pangkat (Terperingkat) |
| 500-3/10/13 | Jawatankuasa Rayuan |
| 500-3/21 | Dasar Pemisah (Exit Policy) |
| 500-3/21/2 | Intervensi Bersepadu |
| **500-7** | **Perhubungan Pekerja** |
| 500-7/2 | Kebajikan/Sukan |
| 500-7/2/24 | Kajian Kesejahteraan Staf UPM (BAHARU)<br>500-7/2/25 Sukarelawan Bakat @ UPM |
| 500-7/3 | Perubatan |
| 500-7/3/10 | Kes Kesihatan Mental |

**<u>600: Pengurusan Akademik</u>**

| | |
|---|---|
| **600-4** | **Pentadbiran Akademik** |
| 600-4/10 | Pengajaran dan Pembelajaran |
| 600-4/10/11 | Task Force Education for Sustainable Development (ESD) UPM |
| 600-4/10/12 | Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>
<u>700: Pengurusan Hal Ehwal Pelajar</u>
<table>
<tr><th>700-3</th><th>Persatuan/Kelab Pelajar</th></tr>
<tr><td>700-3/3</td><td>Kelab Sukan dan Rekreasi</td></tr>
<tr><td>700-3/3/22</td><td>Kelab Putra Paintball Bintulu (Putra Legion)</td></tr>
<tr><td>700-3/4</td><td>Kelab Kepimpinan</td></tr>
<tr><td>700-3/4/21</td><td>Persatuan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)</td></tr>
<tr><td>700-3/4/22</td><td>Majlis Perwakilan Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan Dan Sains (FOHUMASC)</td></tr>
<tr><td>700-3/10</td><td>Persatuan Peringkat Fakulti</td></tr>
<tr><td>700-3/10/17</td><td>Majlis Perwakilan Fakulti Sains Pertanian Dan Perhutanan (Agri-Fore)</td></tr>
</table>
</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td>61.11</td><td>
Hal-hal Lain<br><br>
61.11.1 Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2023/2024<br><br>
Mesyuarat mengambil maklum:<br><br>
(a) Laporan Pelaksanaan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2023/2024 seperti mana pada Lampiran Agenda 11.1 yang telah dibentangkan. Sambutan HKIP 2023/2024 telah diadakan pada 20 November 2024 bertemakan “Melagang Inovasi Menjulang Kualiti”.<br><br>
(b) pelaksanaan HKIP UPM adalah secara dwitahunan mulai tahun 2023/2024 seperti mana yang telah disahkan dan diluluskan pihak Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) menerusi Minit JPU 873.06(I)(1) – 31 Mei 2023.<br><br>
(c) kos pelaksanaan HKIP 2023/2024 adalah sebanyak RM65,139.00 dengan melibatkan penjimatan sebanyak RM4,861.00 (kos anugerah yang tidak dipertandingkan).<br><br>
(d) sebanyak sembilan (9) anugerah dan dua (2) hadiah dipertandingkan dan Anugerah KIK tidak dipertandingkan kerana penyertaan adalah tidak mencapai syarat pertandingan, pengurniaan Penghargaan Khas kepada Puan Siti Rozana Supian bagi Pengurusan Lean dan Encik Mohd Khairul Zainal Abidin bagi Lagu EKSA UPM.<br><br>
(e) pelancaran dua (2) buah buku iaitu Buku Inovasi Perkhidmatan UPM 2016-2024 dan Buku Panduan APEL.C semasa majlis Sambutan HKIP 2023/2024.
</td><td>
<br><br><br><br><br>
Makluman<br><br><br><br><br><br>
Makluman<br><br><br><br><br>
Makluman<br><br><br><br>
Makluman<br><br><br><br><br><br><br><br>
Makluman
</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (f) terdapat persembahan Koir Inovasi Perkhidmatan oleh tiga (3) kumpulan PTJ yang telah memenangi pertandingan tersebut iaitu Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC), Fakulti Ekologi Manusia (FEM) dan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS). | **Makluman** |
| | (g) terdapat Pameran Inovasi Perkhidmatan yang merangkumi 43 *booth* Projek Inovasi Perkhidmatan (Pengurusan dan Teknikal), Projek Pengurusan Lean dan Idea Inovasi UPM serta 12 *booth* pempamer luar/dalam UPM. | **Makluman** |
| | (h) Sambutan HKIP UPM kali ini mencatatkan jumlah kehadiran yang tertinggi iaitu seramai 2179 orang dengan perincian 942 fizikal dan 1237 melalui *You Tube Putra TV (Live Streaming).* | **Makluman** |
| | (i) dan mesyuarat mengambil perhatian ke atas perincian pencapaian Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran PTJ UPM yang melibatkan sebanyak 71 PTJ adalah seperti berikut: | **Makluman** |

| PENARAFAN | FAKULTI (termasuk SEKOLAH (PERNIAGAAN & EKONOMI)/ UPMKB) | INSTITUT | PERKHIDMATAN / PENTADBIRAN / SEKOLAH (PENGAJIAN SISWAZAH) / AKADEMI | KOLEJ |
|---|---|---|---|---|
| 5 BINTANG | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 4 BINTANG – 23 PTJ | 8 | 3 | 10 | 2 |
| 3 BINTANG – 38 PTJ | 7 | 6 | 20 | 5 |
| 2 BINTANG – 10 PTJ | 0 | 1 | 7 | 2 |
| 1 BINTANG | 0 | 0 | 0 | 0 |
| JUMLAH (71 PTJ) | 15 | 10 | 37 | 9 |

| | | |
|---|---|---|
| | (j) mengambil maklum edaran keputusan Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran PTJ UPM 2023/2024 telah diedarkan melalui surat rasmi dan *google drive* mengikut PTJ kepada semua Ketua PTJ/TWP PP/TWP PTJ/Pentadbir PTJ pada 25 dan 26 November 2024. | **Makluman** |
| | (k) mesyuarat turut merakamkan perhatian ke atas cadangan agar semua Peneraju bagi anugerah/hadiah atau komponen penarafan bintang pengurusan pentadbiran dapat meneliti semula tempoh penilaian untuk diselaraskan bagi membantu persediaan tindakan pelaksanaan oleh PTJ. | **Sekretariat CQA** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | **61.11.2 Takwim Aktiviti Kualiti Perkhidmatan UPM Tahun 2025**<br><br>Mesyuarat:<br><br>(a) mengambil maklum berkaitan Takwim Aktiviti Kualiti Perkhidmatan UPM Tahun 2025 seperti mana **Lampiran Agenda 11.2** yang dibentangkan merangkumi lima (5) aktiviti kualiti utama Universiti seperti berikut: | **Makluman** |

| **Bil.** | **Perkara** | **Tarikh** |
|---|---|---|
| 1. | Audit Dalaman (QMS & ISMS) UPM | 7 April 2025 hingga 6 Jun 2025 |
| 2. | Audit SIRIM (QMS & ISMS) UPM | 22 hingga 26 September 2025 |
| 3. | Kuat Kuasa Dokumen ISO UPM | 28 Februari 2025,<br>31 Julai 2025,<br>12 September 2025. |
| 4. | Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti (JKK) UPM | 25 Februari 2025,<br>15 Julai 2025,<br>9 Disember 2025. |
| 5. | Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISO UPM | 19 Ogos 2025 |

| | | |
|---|---|---|
| | (b) Mesyuarat meminta supaya Takwim Aktiviti Kualiti Perkhidmatan UPM Tahun 2025 dapat dihebahkan kepada semua pekerja di PTJ masing-masing dan menyelaras aktiviti tindakan di peringkat PTJ sewajarnya. | **Makluman** |
| | **61.11.3 Kajian 'Exit Survei' 2023 – Status Tindakan Penambahbaikan Maklum Balas oleh PTJ**<br><br>Mesyuarat:<br><br>(a) mengambil maklum Laporan Kajian 'Exit Survei' 2023 – Status Tindakan Penambahbaikan Maklum Balas oleh PTJ seperti mana pada **Lampiran Agenda 11.3** yang telah dibentangkan. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum kajian *'Exit Survey'* (OES) dilaksanakan secara dalam talian yang melibatkan pelajar tahun akhir bagi tahun 2023 dan merangkumi empat (4) aspek penilaian iaitu Program Pengajian, Perkhidmatan Sokongan, Sumber Pembelajaran dan Prospek UPM. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (c) mengambil maklum tempoh pelaksanaan kajian tersebut adalah bermula pada 18 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2023 dengan dapatan sebanyak 3,064 (71.06%) responden daripada 4,312 graduan program Diploma dan Bacelor.<br><br>(d) mengambil maklum pelaporan kajian OES ini akan dimasukkan dalam laporan agenda tetap Mesyuarat JK Kualiti UPM untuk memantau laporan kajian bagi memastikan aduan atau cadangan yang dikemukakan oleh responden dapat diambil perhatian dan tindakan oleh PTJ. | **Makluman**<br><br>**Makluman** |
| **61.12** | **Penangguhan Mesyuarat**<br><br>Pengerusi mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2025 dan merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua ahli yang hadir ke mesyuarat ini.<br><br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.45 petang dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr. | **Makluman** |

**Lampiran A**

**SENARAI KEHADIRAN**

Tarikh : 18 Disember 2024 (Rabu)
Masa : 2.30 petang – 4.45 petang
Tempat : Dewan Senat, Bangunan Canselori Putra, UPM
& Secara dalam talian melalui Aplikasi *Google Meet*

**HADIR :**

| Bil. | Nama | Jawatan / PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Profesor Ir. Dr. Abd. Rahim bin Abu Talib | Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti / Pengerusi Mesyuarat |
| 2. | Ts. Shahril Iskandar bin Amir | TWP ISMS, Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 3. | Prof. Madya Dr. Noor Syamilah binti Zakaria | Timbalan Pengarah Jaminan Kualiti Akademik, Pusat Jaminan Kualiti |
| 4. | Puan Haslida binti Hassan | Timbalan Pengarah Jaminan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti/Setiausaha Mesyuarat |
| 5. | Puan Noorizai binti Mohamad Noor | TWP (PP) Pejabat Naib Canselor |
| 6. | Encik Mohd Nazri bin Md Yasin | (TWP PP) Pejabat TNC (Akademik dan Antarabangsa) |
| 7. | Puan Suhana binti Md Chairi | TWP (PP) Pejabat Pendaftar |
| 8. | Encik Yusri bin Hashim | (TWP PP) Pejabat Bursar |
| 9. | Puan Norhasliza binti Hassan | (TWP PP) Sekolah Pengajian Siswazah |
| 10. | Tuan Haji Mat Razi bin Abdullah | (TWP PP) Pusat Asasi Sains UPM |
| 11. | Cik Haslina binti Abu Seman@ Talib | (TWP PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad |
| 12. | Puan Yasminani binti Mohamad | (TWP PP) Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik |
| 13. | Ts. Norazlin binti Yusof | (TWP PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 14. | Puan Yatimulea binti Ramli | (TWP PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 15. | Dr. Suhyna binti Mohamad Sulaiman | (TWP PP) Pusat Kesihatan Universiti |
| 16. | Puan Nariza binti Mohd Elias | (TWP PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang |
| 17. | Encik Alzasha Illiyyin bin Zainal Alam | (TWP PP) Pusat Islam Universiti |
| 18. | ASP/PB Ibrahim bin Hassan | (TWP PP) Bahagian Keselamatan Universiti |

| Bil. | Nama | Jawatan / PTJ |
|---|---|---|
| 19. | Puan Salinah @lina binti Junid | (TWP PP) Fakulti Perubatan Veterinar |
| 20. | Puan Natassah binti Othman | (TWP PP) Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa |
| 21. | Puan Noorizajune binti Abu Bakar | (TWP PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan |
| 22. | Puan Juita binti Md. Tahir | (TWP PTJ) Fakulti Sains |
| 23. | Puan Nurhanisah binti Sadun | (TWP PTJ) Fakulti Ekologi Manusia |
| 24. | Puan Saliza binti Mustafa | (TWP PTJ) Fakulti Bahasa Maden dan Komunikasi |
| 25. | Puan Hajjah Sarah Salwah binti Adnan | (TWP PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina |
| 26. | Encik Wan Zaharuddin bin Wan Abdullah | (TWP PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat |
| 27. | Encik Noor Mohamad Bin Shakil Hameed | (TWP PTJ) Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar |
| 28. | Puan Hasliza binit Zakaria | (TWP PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 29. | Puan Wan Nur Syarmimie binti Wan Azman | (TWP PTJ) Institut Nanosains dan Nanoteknologi |
| 30. | Encik Muhamad Asyraf bin Arshad | (TWP PTJ) Institut Penyelidikan Matematik |
| 31. | Puan Norazlindawati binti Hashim | (TWP PTJ) Institut Penyelidikan Produk Halal |
| 32. | Puan Suryani binti Ahmad | (TWP PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan |
| 33. | Encik Din Ayub | (TWP PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial |
| 34. | Puan Haliena binti Azhar | (TWP PTJ) Institut Kajian Perladangan |
| 35. | Puan Rina Mazni binti Musa | (TWP PTJ) Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan |
| 36. | Encik Amiruddin bin Abd Aziz | (TWP PTJ) Fakulti Pertanian |
| 37. | Puan Nur Syahirah binti Ibrahim | (TWP PTJ) Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik |
| 38. | Puan Nurainakmal binti Kamal Bahrin | Pegawai Kawalan Dokumen (PKD), Pusat Jaminan Kualiti |
| 39. | Puan Zenaida binti Md Zenon | Penyelaras Audit Dalam (PAD), Pusat Jaminan Kualiti |
| 40. | Puan Rita Anak Bajat | Penyelaras Kepuasan Pelanggan (PKP), Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat |

**TURUT HADIR :**

| Bil. | Nama | PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Encik Ahmad Afeeq bin Roslan | Pejabat TNC (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 2. | Puan Shamriza binti Shari | Pejabat Timbalan Naib Canselor<br>(Jaringan Industri dan Masyarakat) |
| 3. | Puan Siti Khadijah binti Ahmad | Pejabat Pendaftar |
| 4. | Puan Rosiha binti Abdul Razak | Akademik Sukan |
| 5. | Dr. Razif bin Zainol Abidin | Hospital Sultan Abdul Aziz Shah |
| 6. | Encik Abdul Razif bin Abdul Razak | Pusat Antarabangsa Putra |
| 7. | Puan Besek Intan Zafina binti Besok | Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik |
| 8. | Puan Nor Shazwani Izyan binti Ayub | Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat, |
| 9. | Puan Nor Hayati binti Mohd Darus | Pejabat TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 10. | Encik Noor Farrid Noordin | Pusat Pertanian Putra |
| 11. | Puan Nor Azirawani binti Man | Pusat Pembangunan Dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik |
| 12. | Encik Jivananthan A/L Arumugam | Pusat Pembangunan Dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik |
| 13. | Encik Saiful Bahrie bin Abdul Manap | Pusat Pembangunan Dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik |
| 14. | Puan Juliana binti Abd Hak | Pejabat TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 15. | Puan Siti Nadirah binti Mat Na'ain | Pejabat Pendaftar |
| 16. | Puan Siti Fatimah binti Hasim | Pusat Jaminan Kualiti |
| 17. | Puan Puteri Nurasikin binti Nasarudin | Pusat Jaminan Kualiti |
| 18. | Puan Kasmaria binti Zawawi | Pusat Jaminan Kualiti |
| 19. | Cik Nor Syazila Abdul Rahim | Pusat Jaminan Kualiti |
| 20. | Encik Izzul Muzakkir Aris | Pusat Jaminan Kualiti |
| 21. | Puan Rosyati Zainuddin | Pusat Jaminan Kualiti |

**TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN) :**

| Bil. | Nama | Jawatan / PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Cik Nor Azizah binti Tamsi | TWP (PP) Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) |
| 2. | Encik Shahriman bin Hashim | (TWP PP) Pejabat TNC (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 3. | Encik Abdullah bin Arshad | Pejabat TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 4. | Tuan Haji Mohd Aris Fadzilah bin Abdullah | (TWP PP) Hospital Sultan Abdul Aziz Shah |
| 5. | Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin | (TWP PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS |
| 6. | Encik Mohd Tarmizi bin Ishak | (TWP PP) Pusat Pertanian Putra |
| 7. | Encik Arafat Mashhuri bin Awang | (TWP PP) Pusat Penerbit UPM |
| 8. | Puan Shahriah binti Membar | (TWP PP) Pusat Antarabangsa Putra |
| 9. | Puan Lailawati binti Bakar | (TWP PTJ) Fakulti Kejuruteraan |
| 10. | Puan Rozi binti Tamin | (TWP PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan |
| 11. | Puan Shamilah binti Samian | (TWP PTJ) Institut Biosains |
| 12. | Puan Askina binti Aziz | (TWP PTJ) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia |
| 13. | Puan Fairuz binti Muchtar | (TWP PTJ) Sekolah Perniagaan dan Ekonomi |
| 14. | Encik Saiful Azlin bin Maskan | (TWP PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| 15. | Encik Noor Hakim bin Ahmad | (TWP PTJ) Universiti Putra Malaysia, Kampus Bintulu |
| 16. | Encik Hisyamuddin bin Hashim | Penyelaras Latihan Staf (PLS), Pejabat Pendaftar |
| 17. | Cik Siti Ima Munirah binti Ahmad | Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU), Pejabat Pendaftar |
| 18. | Puan Nor Hasfalina Abu Hassan | Sekretariat Pengurusan Risiko Universiti,<br>Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat |